

ISLAM SAYA
Chedet.cc
31 March 2018
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Bukan sahaja saya terlalu tua untuk jadi Perdana Menteri, sekarang saya diberitahu saya tidak layak kerana pemikiran Islam saya tidak betul.

2. Kenapa tidak betul? Kerana rekod-rekod saya tidak mempunyai kefahaman Islam yang betul berasas pada sebutan oleh Almarhum Datuk Dr Harun Din. Saya dikatakan dalam golongan "muktazilah" yang utamakan akal, iaitu saya guna akal fikiran.

3. Tetapi Al-Quran menyebut berkali-kali akan mustahaknya mengguna akal fikiran.

Sila rujuk:

Surah Al-Baqarah Ayat 164, 179

Surah Al Imran Ayat 7, 65, 190

Surah Al Maidah Ayat 100,103

Surah Hud Ayat 51

Surah Yusuf Ayat 111

Surah Ar-Rad Ayat 3, 4,19

Surah Taha Ayat 54

Surah Az-Zumar Ayat 9

Surah Al-Hasyr Ayat 2

Tidak disebut dalam Al-Quran larangan berfikir dan terima sahaja semua pendapat dari pakar Islam bahawa fahaman Islam kamu tidak betul. Ia lebih tidak betul kerana tidak menerima bulat-bulat hadith Nabi.

4. Hadis Nabi termasuk dalam bahagian sunnah dalam Islam. Mengamal sunnah adalah baik dan mendapat pahala untuk akhirat. Tetapi jika tidak mengamalnya tidak berdosa. Tidak ada larangan jika diutamakan Al-Quran apabila ada kelainan antara hadis dengan Al-Quran.

5. Saya dapati hukum hudud Islam berbeza dengan hukum hudud PAS. Mengikut Al-Quran yang diutamakan dalam Islam ialah keadilan. Terdapat lebih 40 ayat yang menegaskan apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil.

Sila rujuk

Surah Al Maidah Ayat 8, 42

Surah Al-Araf Ayat 29
Surah Yunus Ayat 54
Surah Yusuf Ayat 26, 27
Surah An-Nahl Ayat 90
Surah Sad Ayat 22, 26
Surah Az-Zumar Ayat 29,75
Surah Al-Ghafir Ayat 20,78
Surah Asy-Syura Ayat 40
Surah Ar-Rahman Ayat 7, 8
Surat Al-Hadid Ayat 25
Surah Al-Mumtahanah Ayat 8
Surah At-Tin Ayat 8

6. Tetapi Hudud PAS utamakan empat saksi dan hukuman yang terberat, termasuk rejam dengan batu dan pancung kepala.

7. Jika seorang wanita lapor ia dirogol oleh sipolan-sipolan, oleh kerana tidak ada empat saksi yang tidak menanggung dosa besar, maka laporannya dianggap palsu. Ia akan dihukum sebat. Jika ia mengandung dan lahir anak maka ia akan dituduh berzina dan sekali lagi akan dihukum rejam dengan batu oleh orang ramai sampai mati.

8. Perogol walaupun dikenali oleh mangsanya tidak akan didapati bersalah dan akan bebas dari sebarang tuduhan.

9. Adilkah apabila mangsa dihukum dan pencabul bebas dari dituduh kerana tidak ada empat saksi. Jika dianggap tidak adil, maka ia tidak Islam. Islam tidak zalim.

10. Tetapi inilah hudud PAS. Ternampak terlalu ghairah untuk menunjuk betapa kuatnya pegangan mereka kepada kononnya ajaran Islam. Dengan ini Islam mendapat imej yang amat buruk.

11. Hudud PAS ini akan dikenakan kepada orang Islam sahaja. Jika orang Islam mencuri tangannya akan dipotong.

12. Tetapi jika orang bukan Islam mencuri, ia akan dipenjarakan dua bulan.

13. Dalam masyarakat berbilang agama di Malaysia, adilkah perbezaan hukum yang ketara ini?

14. Pendapat saya yang kerdil ini, hukuman ini tidak adil. Oleh kerana ia tidak adil maka ia bukan Islam. Ia adalah hudud PAS.

15. Hukum tanpa saksi empat. Dalam Surah Yusuf, terkoyaknya baju Yusuf disebelah belakang diterima dalam Quran sebagai bukti yang mengejar ialah Zulaikha dan bukan Yusuf seperti yang didakwa oleh Zulaikha.

16. Apakah pengajaran bagi orang Islam dalam cerita Yusuf dengan Zulaikha. Yang jelas ialah empat orang saksi tidak selalu perlu. Hanya kerana baju Yusuf koyak dari belakang, maka ini diterima sebagai bukti bahawa yang mengejar ialah Zulaikha.

17. Cerita ini adalah diantara ayat mutasyabihat, iaitu ayat Al-Quran yang tidak khusus seperti ayat muhkamat. Ayat mutasyabihat memberi panduan yang tidak kurang penting bagi cara hidup Islam. Terpulanglah kepada orang Islam mengguna akal fikiran untuk mendapat panduan dirinya.

18. Keghairahan sesetengah pentafsir menunjuk betapa kerasnya hukum Islam sehingga tidak mengendah keadilan menjadikan agama Islam agama yang tidak berperikemanusiaan. Walhal Islam adalah agama yang adil, bertimbang rasa dan suka bermaaf-maafan dan mengampun dalam menghukum.

19. Berhubung dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong para 39 berkata "Kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain". Para 40 berkata "Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat"

1. Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang Menteri yang bertindak dibawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan ini: tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak, atas permintaannya, untuk mendapat apa-apa maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri.

1(A). Pada menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, jika Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat, atau selepas menimbang nasihat, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

2. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya pada melaksanakan fungsi berikut, iaitu:

- a. melantik seorang Perdana Menteri;
- b. tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran parlimen;
- c. meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja yang semata-mata berkenaan dengan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu.

Kuasa memelihara pada setiap masa Agama Islam ada pada Yang di-Pertuan Agong. Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dimana-mana bahagian Persekutuan.

Hadis, Sunnah Nabi

20. Di waktu Al Bukhari mengkaji hadis, terdapat 600,000 hadis. Dari 600,000 ini Bukhari mengesahkan hanya 7000. 593,000 adalah tidak sahih. Pendapat Tarmizi Muslim dan lain-lain pengkaji juga demikian walaupun ada yang tidak sama yang disahkan oleh seorang dan tidak oleh pengkaji lain.

21. Mereka ini adalah manusia biasa dengan kelemahan-kelemahan manusia.

22. Al-Quran adalah catitan wahyu Allah Subhanahu Wataala. Semua Al-Quran adalah sama. Salahkah jika kita pegang kepada wahyu Allah yang disampaikan kepada Muhammad untuk disampaikan kepada umat manusia.

23. Dalam Al-Quran jika hukum sebat hendak dikenakan tentukan dahulu kesalahan. Jika tidak, ada kemungkinan ketidakadilan akan berlaku.

Perdana Menteri

24. Perdana Menteri diberi ramai penasihat, diantaranya ialah penasihat agama, bukan seorang tetapi ramai. Yang rasmi dan tidak rasmi.

25. Nampak penulis berpendapat bahawa Perdana Menteri sekarang sedang mengamal maarof, menolak yang mungkar apabila ia anggap "Cash is King" "Wang itu Raja" dan terus guna wang bermillion untuk sogokan dan beli undi. Ya. Sembahyang didirikan dan zakat diberi dari wang yang disamun.

26. Bagi penulis yang menyoal kebetulan Islam saya, tentulah ia anggap kebetulan Najib lebih betul dan beliau lebih layak jadi Perdana Menteri.

26 thoughts on "ISLAM SAYA"

1.



2. [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 2, 2018 11:10 AM

Salam TUN..

Tips yg amat bernilai & merudung hati orang PAS ialah..

" Tun .. menyatakan yg Tun sebenarnya menyanjung allahyarham nik aziz semasa tun memerintah dulu dan sekarang ini pun.. nik aziz hidup sederhana.. lemah lembut.. dsbnya."

Why???

Kerana orang PAS memang jadikan nik aziz idola.. tidak sangat kpd hj hadi yg keras & menyentak..

70% orang PAS adalah amat idola kan nik aziz..di tsmbah pula setelah ketiadaan Nik aziz.. PAS spt bahtera yg kena ribut taufan.. kemudi pun dah patah.. saya rasa kalau tun mainkan sayangnya tun kpd nik aziz .. saya rasa orang tua kat hujung kampung pasti dlm genggam tangan TUN..

3.



4. [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 2, 2018 10:36 AM

Salam TUN..

Isu janggut sbg sunnah ini adalah direka sebenarnya utk mengesahkan firman Allah dlm quran..

" bangsa ARAB paling HIPOKRIT & YAHUDI paling TAMAK"

Orang arab spesis yg berjanggut panjang dan tebal.. maka rasa takabbur tinggi (hipokrit) dlm diri dgn kejadiannya..

Rasanya apakah yg menyebabkan IBLIS ingkar perintah ALLAH?????..TAKABBUR..TAKABBUR...

adakah nabi takabbur????.. ooh tidak sekali...tidak sekali...

Fikir-fikirkan lah.. adakah hadis janggut ini nabi jadikan sunnah..ha ha ha...

5.



6. [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 2, 2018 10:17 AM

Salam TUN..

Berkenaan isu mempertikaikan kualiti agama yg ada pd TUN, pd saya sbg ex penyokong PAS adalah bertitik tolak dari statement yg di buat oleh TUN sebelum ini. Yg mana pd PAS dan ustaz yg melata tak bersetuju kerana TUN berhujjah menolak SUNNAH dari hadis bukhori & imam mazhab 4 ASWJ.

Pd masa itu saya pun tidak bersetuju dan rasa marah kpd orang yg bernama MAHADHIR ni.. ttp itu sebelum saya mula membaca Al Quran Allah ini.. saya spt kebanyakan orang islam di malaysia inilah..dari kecik lagi dgn Hadis..al quran ini boleh katakan takdak lah ustaz kat kampung utk tafsirkan..dan kalau Tafsirkan pun guna TAFSIR IBNU KATHIR sahaja..caranya ialah..ustaz akan baca ayat quran dlm bahasa arab dan mentafsirkan/menerangkan dlm bahasa melayu. Di tambah pula dgn war-warkan siapa yg tak percaya hadis adalah kufur.. jadi kita takut kufur maka kita PERCAYA & BERIMAN ..tak boleh nak tent atau tont lagi dah..

Tapi bila dah matang umur 40 tahun rasa nak baca quran & hafal menebal sebab rasa nak masuk kubur dah.. terfikir apakah bekalan ku utk di sana takkan aku nak berjumpa Allah tak baca pun AL QURAN DARI TUHAN AKU NI..jadi saya melagukan quran dan baca terjemahan.. bila dah beberapa kali habis baca & memahamkan dan saya dapati ada kelainan dari segi salat antara quran & hadis..salat hadis tak payah ceritalah..insyaAllah saya rasa paham benar hukum-hakamnya..

Saya pun mula cross check terjemahan quran word by word dlm english dgn melayu.. terdapat sedikit perbezaan antara word by word dgn terjemahan melayu.. saya tengok ayat yg berbeza antara word by word dgn bahasa melayu pd surah al-qalam:43 rasanya..yg mana word by word menyatakan

"Allah perintahkan kpd anggota betis utk bersujud ttp tidaklah dapat MELAKUKANNYA (BETIS TIDAK DAPAT MELAKUKAN)".

terjemahan melayu..

" Allah perintahkan utk bersujud ttp mereka tidak bersujud"

Apakah bezanya makna antara terjemahan 2 ayat ini..?? fikir-fikirkan lah..

Jadi cerita dia .. Hadis ini tidak menepati al quran malah seperti menentang quran..kerana apa yg ada dlm quran ada unsur tambah yg banyak dlm hadis.. (menambah dari apa yg Allah perintahkan sama spt perangai iblis..mencatatkan ciptaan Allah supaya manusia sesat..spt menambah baikkn atau kita panggil SUNAT..

Apa yg TUN pertikaikan isu agama..

1. Janggut – tun kata zaman nabi takdak pisau superstainless
2. Curi potong tangan – walaupun bukan TUN yg kata tapi ustazah ?? Memperlekeh hadis dgn menyatakan...
3. Spt menyokong kassim ahmad yg menolak hadis..

Jadi Tun spt bukanlah quran & sunnah.. ingin saya berterus terang sebenarnya tun pd anggapan mereka adalah seorang yg SESAT dan bagi orang PAS TUN dah masuk kategori kafir..ha ha ha..

Ttp pd saya Tun sebenarnya lebih BENAR dari mereka itu..yg menyembah muhammad bersama Allah..

Komen tun berkenaan janggut pun saya bersetuju..kerana janggut tidak boleh nabi kita jadikan sunnah..kerana Allah menciptakan juga manusia tidak berjanggut yg jelas..ada 4 atau 5 helai saja..hadis dusta dan salah paham kerana orang yg buat hadis ini tidak rapat dgn nabi..kenapa tidak rapat dgn nabi?..kita boleh tahu dari penceritaan hadis tu..dia spt malaikat je yg perhati je.. kalau bukan malaikat ..siapakah dia??????... al iblis lah..

7.



8. [Log in to Reply asahamatApr 2,2018 1:05 AM](#)

Assalamualaikum wbt Tun.

Ada tiga perkara pokok yg PH boleh gunakan utk balun lalu menimbulkan rasa meluat rakyat marhain terhadap Najib MO1. Cuma, cara kita membalun harus pd jln hikmah agar Melayu dapat terima baik. Cara PH harus mendekati mengajak Melayu berfikir lalu sedar utk mengelak dari mempunyai @ menyokong tiga sifat2 jijik berikut:

(a) Najib MO1 muka tebal, tak tahu malu. Malu = maruah, martabat, darjat kpd Melayu. Melayu yg tak tahu malu = Melayu yg tiada maruah, tiada darjat. Dlm Islam, malu menjurus kpd memelihara kehormatan dan kesucian diri. Maka malu = elemen

moral dan Iman bagi Melayu. Kerana ada rasa malu, maka Melayu menjadi "self refraining" utk berbuat jahat. Najib MO1 adalah beban malu Melayu. Dia perlu digasak atas dasar memalukan, merendahkan darjat malah membawa kerosakan akidah Melayu. Teruskan balun dia dari sudut itu utk bangkitkan rasa jijik rakyat kpd sifat2 buruk Najib MO1 n the geng.

(b) Anak derhaka dan pengkhianat. Tun Abdul Razak (TAR) menggambarkan kehormatan Melayu. TAR menjadikan dirinya dan UMNO utk berkerja demi Melayu, Islam dan Negara. Dia berkerja suci utk Melayu, Islam dan Negara. Najib MO1 cemari nama baik TAR bila membawa lari UMNO sebagai alat utk diri, kunci dan rosakkan Melayu, Islam dan Negara. Najib MO1 menderhakai dan khianati amanah bapanya dan rakyat dlm menjaga kesucian Melayu, Islam dan Negara. Najib MO1 hanya menggunakan kemuliaan TAR utk kebaikan diri dan kunci2. Najib MO1 derhaka dan khianat terhadap pengorbanan TAR dan bangsa Melayu dlm mendirikan UMNO. Najib MO1 dan kunci2nya telah derhaka dan khianat terhadap Melayu, Islam dan Negara.

(c) Biadap – Najib MO1 adalah contoh pendiri kebiadapan dlm bangsa Melayu. Maki hamun dia terhadap Tun telah menular kpd kunci2nya utk menghina Tun tanpa ada rasa segan silu apa lagi jijik utk berbuat sebegitu. Najib MO1 telah mengajak dan menunjuk teladan betapa budaya maki hamun terhadap orang2 tua itu adalah halal dan perlu digunakan demi kepentingan diri. Najib MO1 merosakkan nilai hormat dan menghargai orang tua di kalangan Melayu. Melayu harus menolak sesiapaupun yg tidak hormat kpd golongan tua apa lagi yg berjasa.

(2) Segala masalah Melayu, Islam dan Negara yg timbul kini adalah bersebabkan Najib MO1 lantaran dia tidak punya sifat malu, cukup derhaka, khianat dan biadap sehingga sanggup melakukan segala macam sifat2 jahil dan riak yg boleh merendah dan memperlekeh martabat Melayu di dalam dan luar Negara. Najib MO1 perlu diturunkan dari kerusi pemerintahan Negara. Maruah Melayu In Shaa Allah kembali baik jika Melayu sanggup menyisih siapapun yg mempunyai sifat2 tsb.

(3) PRU 14 sudah terlalu hampir. Kebangkitan rakyat sudah ada. Hangatkan lagi gelombang kebangkitan tsb dgn bbrp strategi "pembakaran" yg hebat. Antaranya:

(i) Bentuk tiga ketumbukan jelas PH di peringkat Pusat, Negeri dan Kawasan. Di peringkat Pusat haruslah berupa bakal Kabinet Tun selepas PRU. Di peringkat Negeri ianya adalah bayangan Kabinet Negeri. Di peringkat kawasan, ianya adalah gandingan jelas pelbagai peringkat dan ideologi PH di peringkat Parlimen n DUN. Kejelasan kumpulan2 ini adalah penting "to demonstrate PH strong corporation" utk

berjuang membina semula Negara. PH harus bangkit bersama rakyat dgn slogan "Selamatkan dan Bina Semula Negara".

(ii) Ketumbukan kukuh Pusat dan Negeri perlu diperlihatkan kini. Inilah ketumbukan yg mulai sekarang perlu berbicara tentang wadah menyelamatkan dan membina semula Negara dan Negeri. Inilah ketumbukan yg akan berbicara tentang masalah Negara dan Negeri dan jln penyelesaiannya. Rakyat sudah faham akan derita kini dan masa depan mereka. Mereka ingin tahu secara jelas apakah harapan yg PH akan bawa dan bagaimana. Unsur2 dendam dan dengki harus tidak sekali2 terpamir. Rakyat harus jelas tentang pembelaan dan perubahan yg PH akan bawa dan usahakan kental. Gambarkan masa depan Melayu, Islam dan Negara dan bagaimana utk mencapainya dgn jelas. Perjelaskan manifesto PH secara menyeluruh.

(iii) Ketumbukan peringkat kawasan adalah penting utk menjelaskan bhw masalah yg sedang Negara dan rakyat hadapi hanyalah kerana Najib MO1 dan kuncu2nya. Najib MO1 banyak melakukan kesilapan dan dia bersama kuncu2nya tidak mampu mengurus Negara dgn baik. Kuncu2 Najib MO1 yg melindungi Najib MO1 dari segala proses kpd pembuktian kesalahan2nya. Mereka berbuat sebegitu kerana mereka mendapat faedah dari sifat tak malu, derhaka, khianat dan biadap riak mereka. Tanpa Najib MO1, In Shaa Allah sebahagian besar masalah rakyat dan Negara akan selesai. Cuba jelaskan secara lebih halus dan menikam bagaimana Najib MO1 adalah masalahnya dan 1MDB, FGV, hutang tinggi dsb hanyalah bunga sedang pokok kpd segala itu adalah Najib MO1. Maka dia harus divote out.

(4) Selamat berjuang dgn penuh ikhlas dan berani semua. In Shaa Allah, kebenaran pasti muncul mengatasi segala kebathilan.

9.



10. [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 1, 2018 2:50 PM

Salam Tun..

Saya ingin komen tentang artikel 4.

Sunnah

nabi

Apa yg di maksudkan sunnah nabi?.. dlm al quran menyatakan:-

1. Nabi taat wahyu(al quran).
2. Allah perintahkan buat/terima apa yg nabi suruh & tinggalkan

apa yg nabi larang.
Huraian:- Allah perintah sebegitu kerana sememangnya APA YG NABI SURUH & LARANG ADALAH APA YG ALLAH PERINTAHKAN.
3. Allah suruh ikut TELADAN NABI kita. Suruhan Allah ini adalah pengiktirafan Allah kpd nabi kita kpd PERADABAN & CARA nabi sebagai manusia biasa bukan berkait dgn wahyu. Dgn pengiktirafan ini bermakna nabi kita memang seorang yg mulia akhlaknya sbg manusia biasa pun. Malah, Allah perintahkan orang sekeliling nabi supaya jgn meninggikan suara bila bercakap dgn nabi kamu seperti kamu bercakap sesama kamu.

Jadi nabi tidak sekali-kali buat di luar wahyu (quran) samada mengurangkan atau menambah tetapi MENJELASKAN WAHYU DGN AL HIKMAH.

Kehidupan manusia biasa spt. berkomunikasi, adab makanminum,berumahtangga, sikap dgn anakanak & isteri & bapa dan sebagainya itu perlu di contohi & di ikut. Tapi yg ironiknya..sampai perkara dlm seluar rasulullah pun di BUAT HADIS..adakah munasabah rasulullah nak cerita..aku setubuh dgn aisyah camni,,camni.. & aisyah pun bagitau kpd seluruh dunia sampai kiamat., yg rasulullah gosok tu ramas ni kat dia bila masa dia period. masa aisyah cerita tu nabi dah wafat..masa hidup nabi tak cerita pun yg kita elok gosok dan ramas apa yg boleh..ha ha.. tapi HADIS SOHEH nii... nasib baiklah bukhori tidak tulis HADIS bagaimana nabi bersetubuh dan tekniknya sekali.. tapi sahif bukhori ada tulis perkara yg tak boleh diterima akal yg sihat ..hanya boleh diterima oleh golongan pengamal Hadis gila je..

Hadis bukhori menyatakan yg rasulullah.. telah menyetubuhi 11 isteri dari pagi sampai malam tanpa mandi junub.bermakna nabi tak solat.. dari PAGI sampai MALAM.. saya dengar pun ngeri..Hadis kategori sahih .. tapi orang hadis boleh terima.. aswj terima syiah mungkin tak terima sebab tak terima semua sahih bukhori..

Tapi ke dua-dua sunnah samada wahyu atau teladan hanya valid semasa nabi hidup saja.. sesudah nabi wafat orang bulih buat macam-macam cerita dusta.. spt kes accident mati.. mestilah si mati yg salah sebab si mati kan mati.. nak argue camno dah mati.. terima je lah apa yg hidup tu reason kan..

11.

12.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Apr 1,2018 11:21 AM

Salam Tun.

1. Auzubillahiminasyaithonirajim. Jauhilah diri ku ini dari syaitan yang di rejam. Rimba Emas cukup takut komen bab yang tun bicara kali ini.
2. Siapa diri ini hendak komen diri tun yang siap dengan rujukan untuk mempertahankan kritikan atas pemikiran tun atas beberapa hukum yang hendak di jalankan dalam sistem undang-undang negara kita oleh pihak tertentu.
3. Rimba Emas ambil pendekatan begini sedangkan Rasul -Rasul pilihan Allah s.w.t sendiri mendapat tentangan dalam menegak perintahnya inikan pula orang yang tidak mempunyai tauliah atau kuasa mentadbir.
4. Itulah yang selalu di ucapkan manusia yang rasa dirinya besar berkemampuan tidak perlu lagi nasihat terutama orang yang di lihat kurang berkemampuan , tidak setaraf atau di luar dari kelompok pergaulannya.
5. Dari kisah cerita dalam Al-Quran bagaimana turunya N.Adam a.s sebab pujukan Syaitan laknatullah. Pegaduhan anak-anaknya sehingga berlaku pembunuhan dan lain-lain kejadian ada persamaan sehingga zaman ini.
6. Sebab itulah al-Quran adalah ikutan sebenar kerana ia adalah kata-kata Allah s.w.t yang di wahyukan kepada Rasul-Rasul yang di sampai kepada kita sebagai sunnah.
7. Tun dah terangkan sunnah itu dengan rujukan dan dapatannya bukan sedikit malah ribuan sebab sampaian dari zaman ke zaman. Maka ambilan ke atas inilah menjadi satu bentuk pekerjaan dalam pembelajaran agama Islam.
8. Malah ilmu atas akhlak Rasullullah s.a.w pun di kaji sehingga di kembang sehingga menjadi satu ilmu pekerjaan seseorang untuk satu bidang tertentu.
9. Semua bentuk ilmu itu dalam bentuk pelajaran dan boleh di pelajari semua manusia tidak kira apa bangsa dan agamanya.
10. Pemahaman Islam oleh Tun, Rimba Emas, semua manusia yang mempelajari Islam termasuklah kaum kerabat Rasul-Rasul sendiri tidak sama dan itulah amalan yang akan di nilai kembali bila kita bertemu kembali kepada tuhan yang menjadikan kita.
11. Nafsu dan pengaruh musuh manusia iaitu syaitan laknatullah sentiasa mengganggu kita ke jalan yang lurus. Kita terpaksa menempoh ujian itu sehinggalah ke akhir hayat.

12. Semua jawapan untuk terus menerus menuju kejayaan hanya terjawab jika terus kita mengikuti kehendak Allah s.w.t di dalam Al-Quran.

13. Kalau akhlak Rasullullah s.a.w pada Al-Quran maknanya di sanalah jawapannya.

14. Islam sudah pun sempurna oleh Rasullullah s.a.w. Kita di akhir zaman di minta meneruskannya sebagai hambanya bukan lagi menabik dada sebagai khalifah.

15. Rasanya kalau kita di lantik sebagai ketua kerajaan janganlah rasa diri ini Khalifah sebab banyak cacat cela pada pandangan rakyat.

16. Berbaloi kita buat undi kita kerana pahala dan tuhan daripada kerana harta dunia yang hanya sementara.

Wallahua'lam.

13.



14. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Apr 1,2018 11:03 AM](#)

37. Will kongsi formulae of bn be changed or destroyed after merdeka for more than 6 decades, the choice is in the hand of barisan national chairman, and opposition parties.

15.



16. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Apr 1,2018 10:45 AM](#)

27. PRU adalah serious business, kata sibotak.

28. Secara automatik, semua pihak pun terus terasa cemas dan become defensive lor kerana mereka kena jaga periuk nasi mereka masing2 by making laws that benefit themselves by exploiting those who against them, or vice versa.

29. If you ask me should we support tdm to be the interim perdana menteri to replace dsn?

30. The answer is obviously a big no.

31. Why?

32. Because those who support him silently has one motive.

33. That is to gain support so that they can be elevated to the next level, that is the federal level seats, itu saja.

34. Bak kata, mereka ini bagai kera mendapat bunga, seseorang yang tidak menghargai pemberian orang lain, and they have been doing this for decades through back door negotiation behind the voters, all the time.

35. Pendek kata, the ultimate result is ultra, atau tidak kukuh.

36. Even shane filan, the multi-billion irish lead singer of westlife filed for bankruptcy for investing into a series of ill fated property in 2012 due to property crash, bow up with dignity and courage to admit and responsible for the mistakes he made without blaming anyone in public.

38. Yes, malaysians too will get another bubble, but the bubble that we get would be different from the previous ones.

39. If tdm really sayang rakyat dan negara, then, he should bow out with retirement gracefully, so that pkr, dap, bersatu and amanah must name the choice of perdana menteri before general election is called.

40. Normally, the men, would ask themselves, will i give the whole forest just for one tree?

41. By looking at the trend, it is quite impossible for american voters to elect a woman to be their president.

42. Therefore, whoever become the president of the usa, they only have 4 years to push what they see fit for the role of usa and the world.

43. Bak kata, there is no free lunch in this world.

44. Therefore, general election must be called to get mandate from the voters.

45. It is up to the voters to decide who they prefer.

17.



18. [Log in to Reply](#) **Bungalalang** [Apr 1, 2018 10:34 AM](#)

Negara maju adalah apabila rakyat senang pemimpin kena senang hanya spt rakyat.,tak boleh lebih sikit pun.. Kena pastikan tiada yg miskin..bukan tiada yg miskin papa kedana.

Rakyat tidak berhutang dgn bank utk perkara keperluan..kereta, hospital,rumah,pelajaran. Jika awex kat malaysia tak berapa menggiurkan kenalah cari cara bagi elok sikit..barulah negara kita mempunyai tahap LIVING SATISFACTORY yg tinggi..

Udara segar..makanan jgn makan ikan & daging yg busuk..

Perkara utk menjadi NEGARA IDAMAN ini memang dah ada dlm kepala otak pemerintah..hatta masa TUN M pun.. cumanya TUN M yg tak berapa nak buat.. tak payahlah TUN M nak tunjuk baik sekarang ni..saya orang PAS dulu ..jadi sebagai penyokong parti lawan..kita sukeee sangat tengok kejahatan kekurangan parti lawan.. jadi saya nampak jelas KEKURANGAN & KETEMPANGAN TUN M pun..

Cumanya .. si najib LEBIH TERUK dari TUN M.. itu je.. tapi yg memilihnya dan promote NAJIB adalah TUN M..??!!

saya yg rakyat marhain pun tahu lebih kurang apa yg dlm kepala otak pemimpin umno.. tapi dgn TUN M promote najib ..seolah-olah TUN tak kenal najib.. tapi si najib tu sentiasa berlegar di sekeliling TUN.. ??

tak apa lah .. saya tengok TUN spt sudah insaf..mungkin ada hikmah Allah panjangkan umur TUN.. jadi rakyat malaysia meletakkan & menggantungkan harapan kpd TUN .. supaya m'sia ini kembali dan menjadi lebih baik..

Saya rasa insyaAllah .. TUN menang tahun PRU ini.. supaya TUN boleh membuat WASIAT negara kpd orang yg lebih baik.

Allah berfirman..AKU (ALLAH) pasti akan sihatkan kamu sebelum mematikan kamu supaya kamu boleh menyempurnakan WASIAT..

salaaamun alaikum

Senang dlm erti kata konteks keperluan manusia.. utk beruk dan spesies binatang yg lain kena juga dlm keadaan baik..beruk,rimau kena ada hutan yg cukup..tidak ada penganiayaan.

19.

20.  [Log in to Reply](#) **musato** [Apr 1, 2018 10:29 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kali ni saya bagi komen kat sini pasal agama dan hadith kerana menyokong emosi dan keakalan Tun.

Tetapi dari segi perbahasan untuk menuntut orang agama kerja kerajaan atau orang agama politik PAS menyokong pendapat Tun, saya rasa lebih baik Tun diam je la. Simpan untuk fikiran dan pengetahuan Tun sahaja lebih baik.

Imam Al Ghazali sendiri menukilkan yang dimaksudkan bahawa ada perkara (tasawuf) yang tidak boleh diceritakan/dibahaskan secara terbuka pada pengetahuan awam. Nanti orang tuduh kita kafir la, nak bunuh kita la...dan macam macam.

Tasawuf sendiri turut menggunakan akal dan mata penglihatan nyata yang wujud. 2 mata dan 2 telinga serta 1 hidung dan 1 mulut.

Kalau saya katakan bahawa Alexander Borodai sendiri yang bercakap dan bertentang mata dengan saya melalui kaca tv supaya pergi ambil mayat (dia kata dia dah simpan mayat, tapi tak ada orang datang ambil), ada ke orang yakini/faham apa yang saya tulis terus langsung begitu?

Manusia punyai jasad dan roh. Kedua duanya adalah alat untuk kita hidup di muka bumi ini. Sedangkan wali wali Allah dan orang soleh pilihan Allah sentiasa hidup di alam lain kerana tiada sudah berjasad.

Ilmu pengetahuan kita hanya setitis air di lautan.

Beza manusia dan haiwan adalah akal. Kalau rasa dah kurang akal atau ada akal tapi tak mahu guna akal, mungkin eloklah belajar sikit sikit bercakap dengan kucing atau harimau ke...mana tahu binatang hidup tu faham apa yang orang kurang berakal bercakap.

Terima kasih Tun.

21.



22. [Log in to Reply](#) **abdul rasid** [Apr 1, 2018 9:50 AM](#)

Assalam Mualaikum TUN yang kami sanjung dan hormat.

Dia kan kalah pasti BN akan kalah. Saya bercakap dengan beribu orang person to person. So belum jumpa penyokong Bn bila saya explain 1MDB. Dia bagi goodies , dan ini dia ORANG KATA. DIA BAGI KITA AMBEK TAPI LAWAN TETAP LAWAN. DIA BAGI PUN DIA KALAH DAN TAK BAGI LAGI KALAH TEROK. ZAMAN MAHATHIR

BARANG MURAH, MINYAK ADA SUBSIDI, MINYAK MASAK PUN ADA SUBSIDI. ZAMAN DIA SEMUA SUBSIDI Dia tarik dan bebaskan rakyat dengan GST. So kita tengok berapa ketul yang akan sokong dia. Ramai orang saya jumpa kata kami sayang UMNO tapi kami tak suka Najib. So orang UMNO apa kamu nak buat dengan malapetaka yang pasti akan BERLAKU PADA UMNO. KAMU AKAN AGONGKAN MO1 KE ATAU KAMU AKAN JADIKAN JHO LO malaikat yang tak boleh di sentuh. Duit berbilion dia dapat, bukan dapat ke orang UMNO, dan dia boleh libas ahli UMNO kononya spinmaster, pun orang UMNO diam, dia ada dua passport, nampak BELUM ada tindakan. Bila kapal di sita di Indonesia ada orang sebelum JHO Lo meroyan, mengatakan itu bukan milik JHO LO. Kalau bukan milik JHO LO milik siapa? Ada orang lain ke yang memiliki kapal itu? Tapi bila FBI/DOJ periksa phone Captain kapal, Jho Lo, MEMBERI ARAHAN DENGAN CAERA We Chat dengan Captain, dan sekarang yang meroyan nak mahkamah Indonesia dan Amerika syarikat memberikan kapal itu baillk pada JHO Lo. Pasal kow tow dengan Boss, Kesian orang UMNO ada pemimpin tapi macam orang yang rapat kata "He is not thick skin but iron skin" tak malu ke setiap hari ada lapuran 1MDB yang mengaitkan dia sebagai Kleptocrat yang memalukan Malaysia DARI MEDIA SOSIAL DAN SURAT KHABAR DUNIA. SELEPAS SURAT KHABAR MYANMAR, INDONESIA SEKARANG THAILAND MEMALUKAN DIA. MALU LAH MALAYSIA. Kita perlu dapat balik dan betulkan persepsi masyarakat dunia selepas pilihanraya NANTI. Semua orang tahu BN akan kalah terok, Semua survey yang kata ada sokongan 42% tunggu PRU nanti, silap silap 15% SAJA. Sapertimana yang saya katakan Mahathir is the right person to lead Malaysia dan kami sanjungi keberanian orang tua ini, the old man of Malaysia, YANG SEPATUTNYA REST TETAPI INGAT PUISI MAHATHIR "Perjuangan Yang Belum Selesai" "The man Mahathir is " the man of soul and" "a man of degree" and" he is God sent" and yes" he is protected man". Selepas ini apa saja yang akan di sebut olh Mahathir aka nada ripple effect in time and space. Tengok perkataan yang beliau akan keluarkan dan tengok statement Najib. Anda boleh bandingkan nanti. So Mahathir, Najib sekarang ini sedang senak dan sakit bila dia tengok orang yang datang di GUAR CEMPEDAK. Ada lagi yang meroyan. Kononnya tak akan ditranslate into vote. Kamu ada mata, tapi buta, ada otak, tak tahu nak guna, jadi kita tengok apa yang akan terjadi dengan orang yang macam ini. Dia protector Najib, kesian selepas PRU siapa yang dia nak protect. LEPAS INI RAMAI LAGI YANG AKAN DATANG KE PASIR GUDANG DAN MASA ITU MUNGKIN ADA ORANG TERKENCING DAN TERBERAK. KITA NAK TENGOK JURUCAKAP NAJIB BILA SEMBOYAN AKAN BERBUNYI DI PASIR GUDANG, APA KOMEN DIA. SAYA DAH RAMALKAN TAHUN INI MEMANG TAHUN MALA PETAKA BAGI sesiapa yang sentiasa menipu. DAN JIKA ADA ORANG GUNA MANDRAM, RAMAI YANG AKAN SEWEL DAN JUGA MATI. JADI BERHATI HATI apa bila nak buat sesuatu dia Akan makan diri. So if

someone want to dream let him dream, syok sendiri kot. Apa kata kita guna slogan ini untuk kuat kan Pakatan Harapan. Apabila berlaku Tsunami Melayu untuk Pakatan, tentu kita perlukan satu slogan yang berprinsipkan kebenaran global. Memandangkan melakukan perbuatan yang baik dan menjauhi sesuatu yang mungkar adalah prinsip keislaman yang dituntut maka ini cadangan saya. Tsunami Melayu adalah Tsunami Fardhu Kifayah Amar Maaruf Nahi Mungkar.

23.



24. [Log in to Reply sibotak](#) Apr 1, 2018 7:41 AM

Tak perlu nak pertikaikan Agama , Amalan sesorang Itu semua Tugas Maliakat juga anggota badan kita yg bakal menjadi saksi kelak

Kalau nak pertikaikan Apa kurang beza Najib dan Tun ? Ini urusan manusia sesama manusia yg serba lemah Tugas Maliakat memang di jadikan menjalankan tugas masing masing Jadi jangan kita berpura nak step alim

PRU menjelang tiba Tiba bukan untuk ber Hari Raya PRU adalah tugas kita sesama dengan hormat dan bijak PRU bakal mencorak masa depan kita bersama Ia bukan Sandiwara , Ia bukan perkara bolih buat mainan yg kita bolih amik sambil lewa , ia buka Trial & Error untuk is Pemimpin nak bersandar

This is your Life & Mine
This is for our Generation

PRU adalah Serious Business Ia mencorak masa depan kita juga anak cucu kita Sesiapa yg menjadi anggota Parti juga Pemimpin Parti Mesti tahu Niat mereka sebenar Setiap perbuatan mesti ada Niat Niat Baik di percepatkan Jika yg masuk Parti berniat ambil kesempatan hanya untuk kepentingan sendiri Di harap undur saja

Aku Gelisah akan Tujuan Parti yg bergelar mementingkan Ummah yg dinamakan Melayu .Saling tuduh menuduh , tapi kelihatan Ummah yg dinamakan Melayu / Islam Bersengketa , berpecah , Berpuak puak sesama

UMNO menuduh Pribumi bersekutu dengan DAP Bersekutu dalam kita lalai memberi laluan , memberi kesempatan untuk DAP Yg mana tujuan DAP memang tidak perlu berlakon adalah bertujuan untuk Kaum Cina bertopengkan Meritocrasi ,Bertopengkan Satu Kaum untuk 1 Malaysia

Apa pula bezanya UMNO bawah Kepimpinan Najib Yang Mengundang Cina dari China , Cina dari Singapura Mengundang mereka Berakar Umbi di Tanah Air kita Sedangkan Kaum Melayu Malaysia sendiri tersepit masih TIDAK MAMPU menandingi Kaum Cina yg dilahir dan dibesarkan di Malaysia

Kedua nya kata Perpaduan Ummah ,demi Kepentingan Melayu Tapi perbuatan mereka ini bercanggah dari kata kata Saya tolak Kemasukan Cina dari China juga Cina dari Singapura Saya tidak tolak Cina Malaysia yg asal dari Malaysia Mereka Hak Malaysia , Malaysia hak mereka sesama

Apa guna Pembangunan , Jika akhirnya Pembangunan ini BUKAN Milik kita Kita hanya menag ShioK sendrik sahaja Membangun bangunan tinggi yg mecacah langit Bukalah Pembangunan Negara , Bukan bukti atau erti Kemajuan Kemajuan adalah apa mahunya kita bersama Mempunyai tempat bertedur dengan sempurna , makanan yg bersih dan halal Pakain yg kemas dan sopan ,pelajaran ,punya ketenteraan bagi mengawal Sovereignty kita , masa untuk agama , masa untuk keluarga , saudara mara , jiran ,masyarakat , masa untu jadi Hamba sebenarnya Hamba kepada Pencipta adalah Kejayaan yg saya renungkan

Bukan orang ke bulan kita pun nak ke bulan Orang nak beli Bulan , Matahari kita juga nak beli Bukan ikut si Che Jamil yg punya Gedung Besar berbini tiga kita juga nak berbini tiga

Jadi tidak perlu pelawa , mengundang orang asing sedang Anak Bumi kita masih tidak tahu Haluan nya kemana . Yelah yg bawa mereka masuk sudah pasti ada

ketentuannya ,Sudah ada Kepentingan nya
Yg Umum Masyarakat , Ummah Melayu demi anak cucu kita kemana pula arahnya

Kita adalah kita
We are We

25.



26. [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 1, 2018 2:50 AM

Sdri hajar..

Saya nak dengaq laa sikit pendapat hajar..

Antara daging busuk dgn daging fresh yg mana hajar nak bagi makan kat anakcucu hajar.. saya tolong jawablah sebab kalau tunggu hajar jawab ..jenuh cememet lah jawabnya..

Pasti hajar akan pilih daging fresh supaya jadi kuat & sihat..kan kan..

Tapi nape ye .. nabi kita memilih utk utk berhujjah dgn ayat dari kitab torah sedangkan kitab al quran yg Allah turunkan kpd nabi itu, Allah kata mempunyai ayat-ayat yg lebih baik dari torah & injil..

Kisahanya camni..

Dlm kitab torah atau bible (tidaklah saya pasti srbab saya tak baca kitab tu) menyatakan..

Bible – " hawa dijadikan dari tulang rusuk adam"
Al Quran – " dijadikan pasangannya dari diri lelaki"

Fakta – lelaki mempunyai kedua-dua GEN X & GEN Y manakala Perempuan Mempunyai GEN X sahaja.

Rasa-rasanya buat MASA INI itulah yg Allah maksudkan..

Jadi rasa-rasa hajar antara ayat bible (mungkin ayat ini tidak diputar belit lagi dari torah asal) yg mana lebih menepati dan lebih baik ayatnya antara torah vs al quran.

Saya rasa ayat AL QURAN lebih baik dan lebih menepati lagi berkualiti seantero dunia..

Jadi adakah munasabah nabi kita berhujjah/ menerangkan/ menghadiskan dgn menggunakan ayat bible.. ????? Munasabah ke..munasabah ke.. atau manaserawak.. sedangkan apa yg ada di sisi nabi kita adalah lebih baik..

Jadi kalau hadis kata nabi berhujjah dgn ayat bible.. adakah BENAR nabi kita yg berhujjah itu ..adakah nabi kita tahu ayat bible..atau sebenarnya muhammad itu bukan nabi kita.. mungkin muhammad itu adalah muhammad lain yg mengagongkan bible..

Al maktumlah Allah berfirman..

" mereka itu tidak suka sekiranya DI TURUNKAN (WAHYU) kpd kamu (muhammad) sesuatu yg lebih baik dari mereka".. maa nansakh min aayatin aununsiha na'tibikhoirim misliha aumisliha...etc (tidaklah ada mana-mana ayat yg kami abrogate kecuali kami ADAKAN dgn ayat yg SETARA ATAU LEBIH BAIK"..

pd saya inilah contoh ayat yg LEBIH BAIK (kurang baik dlm Torah LEBIH BAIK dlm AL QURAN).

manakala contoh ayat yg SETARA antara ayat dlm Al quran & injil adalah ayat berikut..

Allah memetik ayat dlm injil kedalam Al quran dalam injil nabi isa bagitahu.. " nabi isa berkata,akan datang kpd kamu seorang nabi yg bernama Ahmad (ismuhu Ahmadi)".. Ayat ini SAMA atau SETARA antara ayat dlm injil dgn al quran..

Jadi fikir-fikirkan dan timbang-timbanglah adakah HADISS itu benar dari nsbi kita atau hadis itu MENDUSTAKAN nabi kita.. dgn merujuk kpd AL QURAN..AL QURAN..AL QURAN...

salaaaamun alaikum (ucapan malaikat kpd ahli syurga)..

27.

28.  [Log in to Reply Bungalalang](#) Apr 1, 2018 1:45 AM

Oopsss.. hajar.. minta maaf ..ssssaya tak pakai terjemahan ulamak silam hajar..hajar masih tradisional macam zaman batu.. orang dah kebulan hajar.. ribuan ahli bahasa sekarang ni .. ha ha ha.. hajar kena faham beza antara TERJEMAH dgn TAFSIR..

Saya ingin sekolahkan hajar sikit..

TERJEMAHAN adalah MENGALIH BAHASA ARAB QURAN KPD BAHASA LAIN ATAS DUNIA NI..

TAFSIR adalah menyatakan PEMAHAMAN KPD AYAT QURAN..mengikut pemahaman dan citarasa PENTAFSIR..

Hajar beriman kpd tafsir ikut HADIS REKAAN.. ibnu al kathir and his gang muhammad al idrisi..

Saya tak suka lah ulamak hajar tu... ha ha..sebab ulamak hajar TAK FAHAM QURAN hanya menghafal dan membunyikannya sahaja..macam david arumugam..yg menyanyikan lagu sekuntum mawar merah..tapi tak faham pun makna lagu tu.. juara 27 minggu berturut-turut carta lagu sabtu.. masa tu saya di matrikulasi usm tahun 1982 kut..berkumandang lagu tu..di corong radio sekolah menunggu warden check katil..lepas tu boleh outing.. yeeyyyyy!!!

Saya rasa satu sekolah saya..dlm 10 orang yoo yg masuk universiti masa zaman tu laahhh..tapi sekarang ni rasa saya 10 orang je yg tak dapat masuk universiti..nape ye..

Orang sekarang cerodik-cerodik.. jadi serupe lah jugak dgn ulamak lapok hajar tu.. dah tak valid dah utk pakai terjemahan depa tu..bahasa arab orang sekarang lagi hebat..saya rasalah..masa ibnu kathir tu agaknya ibnu kathir je lah yg pandai membaca & menulis.. ha ha sebab tu depa tu gemilang terbilang..sebab orang lain bodoh-bodoh lah katakan.. kalau tunjuk pandai satgii kena potong kepala ..di hukum murtad lah katakan..ha ha ..hajar..hajar.. hajar faham apakah maknanya SEJARAH.. alaah sejarah melaka hang tuah.. kecik yoo melaka tu yee.. ha ha ha..tapi si tuah tu hebat bebena..itulah makna sejarah hajar..

Malehlah pulak nak chit chat dgn hajar kat sini..Allah berfirman.. wahai orang yg beriman kamu sampaikanlah kpd mereka akan al quran AKU (ALLAH) ini dan jika mereka menolaknya janganlah kamu menyampai-nyampaikannya lagi dan jika mereka minta kamu menyampaikannya semula maka terpulanglah pd kamu utk menerangkannya atau tidak..

Salaaamun alaikum..

29.

30.  [Log in to Reply Hajar](#) Mar 31, 2018 10:51 PM

Salam Yang Amat DiHormati dan DiSanjunggi Tun,

1. Antara Tun dengan PM Najib @ Ah Jib Gor, saya pasti pilih Tun sebagai PM.
2. Tun seorang yang bersih, cekap, dan yang paling penting AMANAH. Jika ada kesilapan Tun, itu memang lumrah sebagai seorang manusia. Yang penting, kita belajar dari kesilapan.
3. Saya sudah menjangka yang golongan anti-hadith akan menonjolkan diri mereka untuk mengulas artikel Tun ini dengan menggunakan TERJEMAHAN ayat-ayat Al-Quran yang disediakan oleh para alim ulama silam (yang hafal Al-Quran) yang mereka perlekeh / hina dan fitnah dengan teruk.
4. Inilah dia golongan yang mengaku menggunakan akal fikiran yang Allah SWT kurniakan.
5. Pelik sungguh sebab golongan anti-hadith ini tidak malu pula untuk guna hasil kerja para alim ulama silam yang mereka hina dan perlekeh! Alahai! Lucunya...

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

31.



32. [Log in to Reply Bungalalang](#) Mar 31, 2018 9:42 PM

Salam tun..

Apa yg TUN pening sangat dgn PAS .. memanglah PAS tak ikut hukum islam quran .. mereka ini mengikut hukum hadis..

1. Hukum isteri (perempuan yg bersuami) berzina.

Hadis – terbukti bersalah REJAM SAMPAI MATI.. saiz batu yg nak di gunakan ..pending nasihat dari MAZA (MUFTI PERLIS).

QURAN – terbukti bersalah kena bertaubat .. tak mahu bertaubat Kena dapat izin suami utk sebat 100 rotan atau tidak.. Isteri tak mahu bertaubat juga .. KURUNG di rumah suami hingga sampai ajal atau sehingga Allah adakan jalan Keluar baginya (suami ceraikan atau bertaubat).

Suami tidak di benarkan oleh Allah menyeksa si isteri (memukul atau tak bagi makan).

Kenapa berbeza..

Menterjemah perkataan "nisaa akum" sbg "para wanita" utk ayat an-nisa' 4:15-16 sedangkan Allah mentafsir "nisaa akum" adalah pakaian bagi kamu dan kamu adalah pakaian bagi mereka..

Kalai "nisaa akum" adalah " para wanita" bermakna 2:127 pd malam hari puasa jadi orang minyakhlah kite.. sebab Allah kata " setubuhi lah nisaa akum sesungguhnya mereka pakaian kamu dan kamu pakaian mereka"..

Oleh kerana SENGAJA MENTERJEMAH dgn terjemahan yg salah kpd "nisaa akum" makanya mereka (pereka hadis) menyatakan tidak ada hukum utk ISTERI BERZINA dlm quran.. maka di adakan hukuman REJAM SAMPAI MATI (hadis) utk memuaskan hati sesetengah pihak terutamanya bangsa hipokrit dlm dunia.. kita pun ikutlah.. Allah huakbar laungnya.. ha..ha .. sampai keceraah..

Yg peliknya ikut sodap mulut yoo kata ali abi talib yg riwayatkan..dgn berkatalah Ali.. sesungguhnya rejam ini ada diturunkan wahyu kpd nabi ttp aku takut pd masa depan ayat ini akan hilang.. ha..ha..ha... apakah Ali TAK PERCAYA KEPADA ALLAH TUHAN SEMESTA ALAM AKAN MENJAGA AL QURAN ?????... Nampak sangat lah sesatnya & memberatnya Hadis-hadis ni..

Tapi yg peliknya orang yg beriman dgn hadis pun tak tahu hadis..

..ada banyak lagi hadis yg merapu... tapi sahih lagi hasannnnnnn lagi tawattiruuunn.. LAGI SAHIH LAGI HASANNN LAGI TWATTIRUUUN MENENTANG PERINTAH ALLAH..

jgn marah ye.. verified dulu ya apa yg saya tuliskan benar tidaknya..

Barulah kita jumpa " JALAN YG LURUS" ..kita tak akan jumpa jalan yg lurus kalau ada SESUATU YG LAIN DISISINYA..

Allah berfirman.. kamu tak berapa puashati kalau di sebutkan NAMA AKU saja..bila di sebut NAMA itu di samping AKU baru kamu gembira berpuashati.. jadi silakanlah ke neraka..

33.



34. [Log in to Reply mohdharris](#) Mar 31, 2018 8:15 PM

Salam Tun,

Tun tergolong sebagaimana yang disebut oleh Allah....

Mereka itu adalah orang-orang yang mempercayai kepada yang ghaib, ta'at dalam mengerjakan Sembahyang (Salat), dan sebahagian daripada rezeki kami untuk mereka, didermakan. (2:3)

Dan mereka mempercayai apa yang telah diturunkan kepadamu, dan apa yang telah diturunkan sebelumnya, dan tentang Hari Akhirat, mereka benar-benar yakin. (2:4)

Mereka itu yang mendapat bimbingan dari Tuhan mereka. Mereka itulah orang-orang yang beroleh kemenangan. (2:5)

Salam.

35.



36. [Log in to Reply papan_keyboard](#) [Mar 31, 2018 7:38 PM](#)

Islam PAS islam sesat. habis sesat semua umat islam kalau ikut manual islam ala PAS.

Bagi mereka PAS Di bawah Abdul Hadi Awang President PAS rasuah itu HALAL. Tak rasuah itu HARAM.

Isu 1mdb Sampai semua duit rakyat kena rompak terang2 bersuluh-suluh depan mata sampai kita rakyat kena GST sampai semua orang miskin ikat perut Nak bayar GST cukai? langsung tak boleh nak simpan duit! kena cukai? apa PAS kata? kami tegur saja. tegur je? tegur saja? langsung tiada aksi! setakat tegur baik tak payah jadi ahli politik! Pergi jadi tok guru tok imam masjid boleh la. Boleh la tegur2. Macam tu kah PAS sekarang?

Bagi saya PAS ni parti POLITIK bukannya PARTI ISLAM. Bukannya parti memperjuangkan ISLAM. PAS tu PARTI POLITIK! POLITIK.

Kita boleh tengok video dalam internet? dalam youtube ke? dalam deep web site ke? kita sendiri tengok bagaimana reaksi mereka PAS sekarang ni. langsung tak serupa. depan kaca mata TV indah nampak tapi tengok dua atau tiga kali dah nampak lain.

Bagi saya pengundi pada PRU 14 ni saya nak tengok parti yg mana ada aksi, yg mana jelas sejelas-jelasnya menolak kemiskinan, korupsi, rasuah dan menegakkan undang2 negara supaya kita tak dijajah!, dipandang hina!, rakyat tak merempat kat negara sendiri.

Saya tak nampak parti BN (barisan nasional) atau UMNO (United Malays National Organisation) untuk memperjuangkan rakyat. Semua dah lari dari tujuan asal.

Bagi mereka sekarang yg pegang kerajaan. Mereka tak ambik kisah pun pasal rakyat. Apa yg mereka tau duit apa aku boleh seleweng masuk poket. Letak la wakil rakyat muda2 nampak intelligent tapi last2 semua wakil rakyat tak boleh nak lawan juga dengan bos mereka tu PM najib razak. Saya rasa menyesal pangkah mereka pada pru 13 dulu. kerajaan BN nak buat manifesto nak counter pakatan rakyat manifesto? garu kepala sungguh sedangkan yg pegang kerajaan sekarang adalah kerajaan BN. Kerajaan BN yg pemerintah malaysia. kenapa nak buat manifesto? sedang BN sendiri pegang Kuasa. Laksanakan terus la baru betul. Tunggu apa lagi? melainkan POLITIK nak perbodoh rakyat.

37.



38. [Log in to Reply Bungalalang](#) [Mar 31, 2018 7:24 PM](#)

Salam tun..

Usah lah TUN bersedih hati malah janganlah juga TUN bermuram durja.. hanya kerana kata-kata mereka itu..

Allah berfirman.. orang yg beriman ini ialah orang yg MAHU BERFIKIR DGN AKAL yg ALLAH berikan..

Kalau makan buah padi yg di tabur .. itu ayam namanya.. ha ha ha

39.



40. [Log in to Reply Hajar](#) [Mar 31, 2018 7:07 PM](#)

Salam Yang Amat DiHormati dan DiSanjungi Tun,

Saya ingin ulas kenyataan Tun seperti berikut:

"4. Hadis Nabi termasuk dalam bahagian sunnah dalam Islam. Mengamal sunnah adalah baik dan mendapat pahala untuk akhirat. Tetapi jika tidak mengamalinya tidak berdosa."

Ulasan saya:

1. Setahu saya, ada sebahagian 'Sunnah / Hadith' Nabi SAW yang WAJIB kita ikuti (patuhi/ amalkan) jika ia berkaitan dengan ibadah khusus (contohnya dalam bab Solat, Haji, etc. yang wajib dilakukan umat Islam).
2. Mungkin perkataan 'Sunnah' mengelirukan sesetengah pihak. Mungkin terkeliru dengan HUKUM 'sunnat' – buat dapat pahala, tidak buat tidak berdosa.
3. Terdapat juga 'Sunnah / Hadith' Nabi SAW yang hukumnya 'sunnat' diikuti (jika buat dapat pahala). Contohnya, cara Nabi SAW makan (berhenti makan sebelum kenyang; makan bila rasa lapar, dan cara duduk ketika makan, etc.)
4. Apapun, ini pendapat saya yang tidak standing Tun dari segi pengalaman dan pemikiran. Saya jauh lebih kerdil berbanding Tun. Maaf kerana berterus terang.

P/S: Yang baik semuanya datang dari Allah SWT.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

41.



42. [Log in to Reply mattahir](#) Mar 31, 2018 6:50 PM

Banyak orang Islam diajar dari kecil bahawa Quran eksklusif tafsir oleh ulama atau orang alim seumpamanya sahaja. Maka sebab itu Quran jadi barang perhiasan atau diperdengar semasa tilawah saja. Ianya tidak diselami mesejnya oleh umat Islam sendiri.

Menjadi lebih malang apabila agama menjadi alat politik. Orang berjubah berserban berjanggut dianggap orang alim secara automatik dan boleh menjadi orang yang boleh dipercayai sebagai pemimpin sejati. Org Islam diajar apa yang ada dalam hati itu lebih penting, daripada presentasi luaran, tapi kebanyakannya lebih suka kepada presentasi luaran

Kebanyakan orang Islam juga lebih suka diprogramkan dari belajar dan berfikir. Mereka lebih suka mentafsirkan bahawa Islam itu ialah tarbiyah dan dengar syarahan sahaja. Dengan ini mereka mudah dieksploitasi oleh golongan manipulatif dan elemen ekstrim

Inilah mentaliti umat Islam yang membawa kepada kedaifan mereka sendiri. Kalau Quran itu tak diselami tafsiran dan pengajarannya, maka bagaimanakah seseorang

itu dapat petunjuk dan hidayahNya ?. Yang membezakan agama Islam itu sendiri ia tiada pendeta yang menjadi perantara antara makhluk ciptaan dan penciptanya. Tapi nampak ramai orang Islam dah jadikan ulamak sebagai pendeta mereka

Agama apabila menjadi alat politik, ia membawa kepada pemikiran regresif – tetapi inilah corak yang sering dapat diperhatikan serata dunia umat Islam – ramai seperti suka jadi pengikut Taliban. Dibawah keadaan tersebut, orang yang manipulatif akan memaksa pengikut menerima tafsiran undang-undang Islam menurut kuasa yang mereka ingin kejar dan pelihara, bukan menurut kehendak ajaran agama yang sebenarnya. Orang yang mengikut secara buta tuli selalunya tak tahu berfikir sendiri, dan mencari “Islam” sebenar dari golongan opportunistik dan manipulatif tersebut.

Quran secara jelas mengatakan orang yang diberikan kebaikan ia diberi hikmah sebagai tanda daripadanya. Tapi Kelantan masalah air pun sampai entah berapa lama tak selesai??. Begitulah maksudnya hanya orang yang berakal sahaja mengambil pelajaran.

Hikmah hanya diberi olehNya kepada golongan tertentu. PAS pernah melabel orang Islam lain kafir. Mengapa Kelantan masih lagi miskin dan tidak maju ekonominya? Kalau orang itu terima hikmahNya tentunya dapat memimpin dan memberi berkat kepada penduduk dibawah kawalan mereka, tapi ini tidak berlaku di sana sudah sekian lama. Masalah bekalan air berkarat yang sudah sekian lama sudahkah mereka selesaikan hari ini? Perkara bekalan air adalah asas pun sukar mereka selesaikan?. Hanya orang yang berakal sahaja dapat mengambil pengajaran.

43.



44. [Log in to Reply Bungalalang](#) Mar 31, 2018 6:19 PM

.. kenapa mencari/mengejar/mengumpul HADIS?????

Mungkin mereka yg gemilang terbilang itu TAK MENDAPAT AL HIKMAH dari Allah walaupun hafal quran.. jadi mereka tidak boleh MEMAHAMI AL QURAN..

Allah kata jalan kpd mendapat AL HIKMAH ialah selalu baca quran dan beriman kpd Allah semata-mata dan taat perintah Allah..

Jadi TERPAKSA lah MENCARI MENGUMPUL HADIS (YG SEMEMANGNYA SUDAH TERSEDIA .. TELAH PUN DI SEDIAKAN OLEH AHLI KITAB KAFIR MASA NABI HIDUP LAGI)..

Jadi tidaklah payah utk MEMPELAJARI & MENGHAFAL HADIS yg memang sudah siap ADA.. hanya utk DI SIARKAN saja filem Lord of the ring.. hobbit sam, gandalf, semua ada detail siap dgn nama tempat, kisah .. wow..wow... stephan spielberg dah siapkan filemnya.. tinggal tayang saja lagi...

Itu yg hafal 1,000,000 lebih HADIS.. Kalau umur saya 100 tahun.. bermakna 36500 hari aku hidup.. bermakna aku kena PELAJARI & HAFAL 30 HADIS 1 HARI.. 1/2 JAM 1 HADIS.. LAHIR SAJA TAK SEMPAT MENYUSU IBU LSGI DAH KENA BELAJAR & HAFAL 30 HADIS SEHARI..NAK MENANGIS SAKIT PERUT PUN TAK SEMPAT...

TAPI TAK APA.. KITAB HADIS DAH ADA.. KITAB HADIS DAH ADA..

Buat drama sajalah... ha ha ha..

45.



46. [Log in to Reply Bungalalang](#) Mar 31, 2018 5:54 PM

Salam TUN,

Kenapa perlu kpd Hadis?

Masa nabi hidup kita mesti taat apa yg nabi SAMPAIKAN & AJARKAN kerana apa yg nabi SAMPAIKAN & AJARKAN adalah yg DI TURUNKAN oleh ALLAH.

Apa yg DI TURUNKAN oleh ALLAH kpd nabi kita..

- AL QURAN utk DISAMPAIKAN/DIBACA
- AL HIKMAH utk DIAJARKAN/DIJELASKAN MAKSUD AYAT AL QURAN (WAHYU)

BUKTI kpd AL QURAN utk DIBACA & AL HIKMAH adalah KEFAHAMAN KPD AYAT AL QURAN.. IALAH..

- Selepas nabi wafat tiada sudah tempat RUJUKAN kita utk memahami isi kandungan atau maksud ayat-ayat AL QURAN walaupun AL QURAN sudah lengkap dlm bentuk BUKU BERTULIS.

Jadi apa yg kita perlu utk MEMBOLEHKAN kita menjadi spt semasa NABI KITA madih hidup.. sudah tentulah dan tidak lain tidak bukan ..AL HIKMAH..AL HIKMAH..AL HIKMAH..AL HIKMAH..AL HIKMAH..

Allah berfirman.. AL HIKMAH akan Aku (ALLAH) kurniakan kpd sesiapa sahaja yg AKU KEHENDAKI..

Bermakna sesiapa yg mendapat kurniaan AL HIKMAH kpd nya.. makanya KEFAHAMAN AGAMA yg ada pd diri orang itu sama spt apa yg ada pd nsbi kita walaupun tidak TURUNKAN AL QURAN KPD DIA.. sebab AL QURAN TELAH PUN LENGKAP SEMPURNA & TIDAK BOLEH DIUBAH OLEH MANA-MANA MAKHLUK.. so..

AL QURAN SUDAH ADA & AL HIKMAH SUDAH ADA..CUKUPLAH RAMUAN AGAMA INI.

BUKTI yg menunjukkan keperluan kpd kurniaan AL HIKMAH ini..ada di nyatakan dlm al quran Allah.

" ahli kitab torah yg kafir (memutar belitkan kitab torah) berkata kpd nabi.. Apa yg DI TURUNKAN kpd kamu (al quran & al hikmah) tidak akan di turunkan kpd orang lain, jika sekiranya DI TURUNKAN juga kpd orang selain kamu sudah PASTI HUJAH kamu akan di PERTIKAI DI SISI ALLAH NANTI..katakan (jibrail): sesungguhnya ALLAH akan KURNIAKAN/BERIKAN kpd SESIAPA SAJA YG ALLAH KEHENDAKI (maksudnya AL HIKMAH)..

cuba kita fahamkan apakah maksud ahli kitab torah kafir PEMBELIT itu cuba MEMBELIT nabi..

sudah pastilah si kafir Pembelit itu mengugut nabi utk memberitahu bahawasanya HANYA NABI SAHAJA YG KENA IKUT selain dari nabi kita TAK BOLEH IKUT & sesat..

Apakah tujuan ahli kitab kafir tu... ????? .. tidak lain tidak bukan supaya KITAB HADIS yg dah ada pd mereka menjadi ikutan..sesiapa yg tak ikut KITAB HADIS adalah SESAT.

kenapa saya berpendapat sebegini..kerana Allah menyatakan ayat sebelum ayat di atas yg berbunyi spt berikut..

Allah memetik PERBUALAN/SKETSAS antara nabi kita dgn ahli kitab torah kafir yg berbunyi..

" ahli kitab kafir berkata kpd nsbi: kamu (nabi) KENA PERCAYA hanya kpd PENGIKUT (TABI') AGAMA kamu SAHAJA.. katakan (jibrail: SEBENAR-BENAR PETUNJUK adalah PETUNJUK ALLAH (AL QURAN).

apakah yg Allah nak bagitahu kita ni dgn MEMETIK PERBUALAN ANTARA SI KAFIR dgn NABI kita ni..

Dgn SEPANTAS KILAT kita boleh faham bahawa.. si kafir itu cuba memaksa nabi utk mengiktiraf PENGIKUT (TABI) kpd nabi kita utk di jadikan IKUTAN.. tapi Allah menafikan dgn MEMERINTAHKAN kita utk IKUT AL QURAN..

jadi ini juga bermaksud ALLAH & NABI tidak MEMBENARKAN utk menjadi kitab lain sekain AL QURAN.

kenapa si kafir itu bersungguh BEBENO utk nabi kita mengiktiraf PENGIKUT (TABI) sbg IKUTAN.. ??????

Kerana golongan si kafir laknat itu telah pun buat perancangan mereka spt Allah bagitahu dlm quran..yg berbunyi..

Pd siang harinya mereka itu bersama-sama mu (bermakna golongan ahli kitab kafir ini adalah orang-orang yg di sekeliling jee..tak jauh pun dan bukan orang asing ..pun pd nabi..) tapi pd malamnya mereka ini mengadakan perancangan & mereka-reka utk memutarbelitkan ayat-ayat Allah tapi mereka tidak dapat mengubshnya..maka ia berpaling dgn muka yg masam dan marah (frust lah tu sebab tak boleh ubah dan putarbelit ayat Allah) dan ia berkata: muhammad itu tidak lain hanya menyampaikan sihir yg di PELAJARI & DI HAFAL..

apa yg kita boleh faham.. mereka ini tidak boleh ubah quran & Allah nak bagitahu kita sihir/syair adalah berlainan dari wahyu..

Wahyu di baca oleh jibrail(tidak di hafal).. di fahamkan kpd nabi

Oleh AL HIKMAH (KEFAHAMAN YG ALLAH WUJUDKAN DLM DIRI NABI SECARA ILMIAH)..

Manakala SIHIR/SYAIR(HADIS) adalah DI PELAJARI & DI HAFAL.

surah as syu'ara:219-212 – Allah berfirman..

kpd siapa iblis akan pergi..
Iblis akan pergi kpd PENIPU BESAR..
mereka kata MEREKA MENDENGAR tapi mereka menipu..
SYAIR (AS SYU'ARAA) MEREKA berkumandang di setiap pelusuk LEMBAH (tempat orang ramai tinggal)..

Kita biasa dengarkan... si dolah MENGHAFAL lebih sejuta HADIS dan HADIS mereka berkemundang di seluruh masjid & surau..

" aku MENDENGAR..MENDENGAR..MENDENGAR.. rasulullah bersabda .. bla..bla ..bla.. sedang aku berada di SEBALIK PINTU.. "

AlIIKKK!!!!...tak masuk dalam masjid pun ..duduk kat luaq yoo.. nape tak masuk masjid.. jumpa lah rasulullah.. ini main curi-curi dengar yoo.. itu pun nak riwayatkan hadis.."..

FIKIR-FIKIRKAN LAH.. KITA NAK BERIMAN KPD ALLAH.... TUHAN YG MENCIPTAKAN SEKELIAN ALAM TU..

bukannya si buta dari gua hantu..

47.



48. [Log in to Reply](#) **musato** [Mar 31,2018 12:16 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Mungkin kita berasa tidak selesa bila keadaan politik sekarang berlaku. Dengan penipuan berita, keyboard warrior,profesor kangkung mengata Tun dan macam macam lagi.

Maka kita berasa kerajaan amat kuat dan berkuasa. Kerajaa boleh bervuat apa sahaja. Kita fikir kita tiada lagi tempat untuk mengadu.

Ketahuilah bahawa Allah swt itu Maha Melihat dan Maha Mendengar.

Inilah jalannya kesusahan yang dilalui untuk mengecap nikmat dari Allah swt.

Ini bukan ayat dari buku bacaan. Tetapi inilah jalan yang pernah ditempuhi saya jika untuk diukur dari segi fizikal kenampakkannya. Bezanya cuma Najib adalah manusia.

Dan ingatlah sebaik baik jin adalah sejahat jahat manusia. Sedangkan kerajaan Najib cuma adalah kerajaan manusia.

Mungkin jalan ini tidak pernah ditempuhi oleh Tun, tetapi InsyaAllah yang benar tetap benar selamanya.

Bersabarlah. Kuncilah mulutmu. Rendahkan hatimu. Padamkan amarahmu. Hidupkanlah hatimu. Jagalah akalmu.

Kita sedang belayar wahai rakyatku. Kejapkan dudukm kerana kita sedang menuju kepada cahaya rahmat Allah swt yang kita dambakan.

Terima kasih Tun.

49.



50. [Log in to Reply](#) **musato** [Mar 31,2018 11:38 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Kalau ikut saya, saya kurang gemar nak mempertahankan dengan jawapan kata kata orang agama yang tak seberapa.

Sebabnya agama Islam ini mudah dan tak menyusahkan pun.

Orang yang dikatakan kuat beragama pun tak pandai politik. Tak pandai mentadbir. Katanya ikutlah Al Quran dan Sunnah sahaja. Kalau nampak macam 'tak ikut' dari Al Quran dan Sunnah katanya muktazilah pada Tun Mahathir?

Jadi di mana letaknya akal dalam mentadbir dan berpolitik.

Keadaan politik semasa ini mudah sahaja untuk diteliti :

1. Kerajaan Najib menipu rakyat. Mana nak tahu? Setiap soalan dari Tun Mahathir tidak dijawab dengan konsisten dan logik. Isu utamanya adalah 1MDB dan duit 2.6b yang masuk dalam akaun peribadi. Kenapa kita kata tak boleh masuk dalam akaun peribadi? Sebab bila masuk dalam akaun peribadi PM, kita boleh anggap PM Malaysia kita telah disogok mahupun dibeli oleh seseorang atau pertubuhan.

PM adalah ketua negara kita. Jika tiada amanah dan tiada jawapan konsisten apabila ditanya, apa lagi yang ada pada kita dan rakyat?

2. Kenapa Tun tubuh parti baru iaitu Bersatu? Kerana untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada dengan cara paling aman dan berhemah walaupun penipuan dari pihak kerajaan sekarang boleh dilakukan, Tun Mahathir perlu menyertai pilihanraya. Ini kerana negara kita adalah negara demokrasi berparlimen. Setiap 5 tahun akan ada pilihanraya.

Sebab itu saya tidak menggalakkan perhimpunan jalanan kerana ia boleh mengajar dan membawa kekacauan kepada belia dan pelapis negara. Dan terbukti dengan kulit tebal Najib, negara hancur sekalipun pun, Najib masih mahu mengekalkan kuasa.

Dengan itu, bukannya susah kita nak pangkah siapa masa mengundi nanti.

Nak cerita pasal Islam, pasal orang bukan muslim akan memerintah negara, itu hanya mainan politik untuk membasuh otak rakyat.

PM Malaysia tetap orang Melayu. Samada Islamnya benar dan kuat, kuasa agama Islam ada pada Agong dan Raja Raja Melayu.

Maka bolehlah kita salahkan Tun Mahathir kerana Islamnya tidak kuat kerana menggunakan akal,

Dan Najib memang tidak bersalah biarpun Islamnya tidak kuat dan tidak berakal.

Serta adakah saya juga mengutamakan akal dalam penulisan kali ini tanpa menyediakan hujah hujah Al Quran dan Hadith di sini?

Adakah saya?

51.



52. [Log in to Reply milshah](#) Mar 31, 2018 7:55 AM

Assalamualaikum Tun,

Izinkan saya ke berbincang mengenai persempadan semula yang baru diluluskan parliamen dan Agung baru-baru ini.

Saya difahamkan strategi persempadanan semula ini ada seperti berikut. Katakan kawasan A, B, C, D dan E sepatutnya dimenangi oleh PH sebab majoriti pengundi 70% adalah pengundi PH. Melalui persempadanan semula ini kawasan-kawasan majoriti pengundi PH dari B, C, D dan E dipindahkan ke A. Jadi A akan mengalami pertambahan pengundi PH yang mendadak. Pada PRU, walaupun A dimenangi PH tetapi B, C, D dan E dimenangi BN sebab pengundi PH di kawasan tersebut telah dipindahkan ke A. Strategi ini walaupun pada asalnya PH menang keseluruhan ABCDE, tetapi sekarang menang A sahaja dan BN terus kekal kerajaan sebab memenangi BCDE.

Bukti persempadan semula ini dimanipulasi ke arah ini apabila seorang penganalisis politik telah buat kiraan dan mendapati BN dijangka BN akan menang 2 per 3 keseluruhan parliamen melalui persempadanan semula.

Benarlah kata Tun, PH akan menang jika tidak ada penipuan dalam PRU.

Walaupun bagaimanapun, penganalisis politik telah membuat 2 andaian besar dalam perkiraannya iaitu pengundi pada PRU 13 akan terus mengekalkan undiannya pada PRU 14 dan pengundi Melayu akan terus kekal mengundi BN. Jelas persempadan semula ini dilakukan berdasarkan undian PRU 13.

Jadi, melalui persempadan semula, undi dari orang Melayu menjadi lebih penting sebab wujud lebih banyak kawasan parliamen majoriti Melayu. Dapat dilihat Najib juga sedang all put memberi pelbagai goodies kepada orang-orang Melayu. Puak-puak UMNO juga kelihatan sedang rancak menggunakan sentimen perkauman.

Jadi orang Melayu adalah penentu PRU 14. Siapa yang memenangi undi Melayu akan menang PRU14.

Invoke telah menjalankan survey mengatakan PH akan memenangi 5 negeri dan BN hanya 3 negeri. Rafizi juga berkata walaupun persempadan semula dilakukan tidak akan mengubah keputusan ini. Walaupun bagaimanapun, mungkin Invoke boleh lagi sekali survey selepas persempadanan semula dikenalpasti untuk verify lagi sekali keputusan tersebut. Ini juga supaya pimpinan PH dapat merangka strategi untuk menghadapi persempadanan semula ini.

Saya lebih percaya analisis Invoke berbanding penganalisis di atas disebabkan kajian Invoke adalah berdasarkan sentimen pengundi sekarang dan bukan sentimen pada PRU 13.

Antara analisis

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2832>